

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

PENILAIAN AKHIR AMALI

SESI I : 2024 / 2025

SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN

**SPP 10193
APLIKASI KOMPUTER PERNIAGAAN**

MASA: 2 JAM

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN UMUM

1. Kertas soalan ini mengandungi **SATU (1)** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Mini Projek ini dibuat secara individu yang menyumbang 30% daripada jumlah markah kursus berkenaan dan akan dinilai berdasarkan kepada **SENARAI SEMAK** yang dilampirkan.
4. Tarikh edaran soalan bermula pada minggu 13 dan pelaksanaan amali perlu dilaksanakan pada hari peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi **LIMA (5)** halaman bercetak termasuk halaman hadapan.

BAHAGIAN A

[100 markah]

Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

Soalan 1**CLO 2**

Perniagaan inap desa (*homestay*) adalah sebuah bentuk perniagaan dalam industri penginapan yang menyediakan tempat tinggal sementara kepada pelancong atau pengunjung di kawasan luar bandar atau desa. Konsep ini menawarkan pengalaman penginapan yang lebih mendalam dan autentik, sering kali dengan suasana yang tenang dan dekat dengan alam semula jadi.

Sebagai pengusaha perniagaan inap desa yang menggunakan nama perniagaan Inap Desa Lembah Beringin di Temerloh, Pahang, anda dikehendaki menyediakan dokumen perniagaan menggunakan aplikasi digital yang bersesuaian bagi kegunaan perniagaan anda.

- (a) Anda dikehendaki menyediakan dokumen perniagaan jenis **invoice** dengan menggunakan **Google Doc** sepertimana format yang dikehendaki di bawah. Namakan dokumen tersebut sebagai **GoogleDoc_No.MatrikAnda**.

Format dokumen yang perlu dipatuhi :

- a. Tulisan : Times New Roman
- b. Saiz tulisan : 12
- c. *Line spacing* : 1.5
- d. *Orientation* - Potrait
- e. Saiz kertas - A4
- f. *Margin* - Top 1.5, Bottom 1.5, Left 1.5, Right 1.5

Kandungan dokumen anda haruslah mempunyai perkara sepertimana **Lampiran A**.

- (b) Anda dikehendaki menyediakan senarai sebahagian aset dan inventori perniagaan anda menggunakan **Google Sheet**. Namakan dokumen tersebut sebagai **GoogleSheets_No.MatrikAnda**.

Senarai aset dan inventori anda perlu mempunyai perkara berikut:

- a. Jenis aset dan inventori
- b. Nama aset dan inventori
- c. Bilangan aset dan inventori
- d. Harga seunit (RM)
- e. Jumlah aset dan inventori (RM)
- f. Jumlah keseluruhan aset dan inventori (RM)

(Rujuk lampiran yang disediakan - **Lampiran B**).

Kesemua pengiraan jumlah harga setiap produk dan jumlah keseluruhan perlu menggunakan formula / fungsi (=), tiada markah bagi pengiraan yang dilakukan secara manual.

- (c) Anda dikehendaki menyediakan slaid pembentangan menggunakan **Google Slide**. Namakan dokumen tersebut sebagai **GoogleSlide_No.MatrikAnda**.

Isi kandungan persembahan:

- a. Slaid pertama (nama kursus, kod kursus, nama dan no. matrik anda serta nama perniagaan anda iaitu Inap Desa Lembah Beringin)
- b. Slaid kedua : Isi kandungan
- c. Slaid ketiga : Profil perniagaan (nama perniagaan, alamat perniagaan, no. telefon perniagaan dan e-mel perniagaan)
- d. Slaid keempat : Pengenalan kepada perniagaan anda (anda boleh menggunakan grafik yang bersesuaian)
- e. Slaid kelima : Jenis perkhidmatan perniagaan anda (berdasarkan maklumat **Lampiran A**)
- f. Anda boleh meletakkan gambar yang bersesuaian pada maklumat (d) dan (e).
- g. Anda boleh membina slaid mengikut kreativiti dan jumlah slaid adalah maksimum 10 halaman.

- (d) i. Anda dikehendaki mencipta borang tempahan perkhidmatan perniagaan anda dengan menggunakan **Google Form**.

Namakan dokumen tersebut sebagai **GoogleForm_No.MatrikAnda**.

Maklumat di *Google Form* anda perlu mempunyai perkara berikut :

- a. Format: Short Answer untuk
 - Nama pelanggan
 - Nombor telefon pelanggan
 - E-mel pelanggan
- b. Format : Paragraph untuk
 - Alamat pelanggan
- c. Format : Multiple choice grid untuk
 - Jenis dan unit inap desa untuk tempahan (berpandukan **Lampiran A**)
- d. Format : Multiple choice untuk
 - Jenis bayaran

Format *Google Forms* anda perlu mempunyai perkara berikut :

- a. Header (letak gambar yang bersesuaian dengan perniagaan anda)
- b. Jadikan semua maklumat yang diperlukan sebagai "REQUIRED"

Rujuk lampiran yang disediakan - **Lampiran C**.

Jadikan emel pensyarah kursus anda sebagai "Collaborators" :

- a. Klik pada simbol 3 titik di sudut kanan atas Google Form anda dan klik pada "Add Collaborators", taipkan alamat emel pensyarah kursus anda dan jadikan fungsi sebagai "Editor" dan klik butang "Send".
- ii. Anda dikehendaki mencipta *QR Code* yang menghubungkan pelanggan anda kepada borang tempahan tersebut. *QR Code* ini akan digunakan pada soalan e (f).

- (e) Anda dikehendaki mencipta iklan perniagaan menggunakan **Canva**. Namakan dokumen tersebut sebagai **Canva_No.MatrikAnda**.

Maklumat di iklan perniagaan anda perlu mempunyai perkara berikut:

- a. Nama perniagaan
 - b. Maklumat perniagaan
 - Logo
 - Lokasi
 - Perkhidmatan
 - Waktu operasi
 - c. Nombor untuk dihubungi
 - Telefon
 - *Whatsapp*
 - *Telegram*
 - d. E-mel
 - e. Media sosial
 - *Facebook*
 - *Instagram*
 - *Tiktok*
 - f. QR code borang tempahan
- (f) Pelajar perlu menghantar link capaian untuk semua tugas di atas melalui *Google Drive* atau *One Drive* yang telah disediakan oleh pensyarah.

SOALAN TAMAT

Selamat Menjawab